

**PENAAKULAN MORAL DALAM PANTUN  
PAK NAZEL 101 PERKARA**  
(*MORAL REASONING IN PANTUN PAK NAZEL 101  
PERKARA*)

**Syahidatul Syahadah Yusof  
Muhd Norizam Jamian**

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor

**Emel:** syahidatulsyahadah@yahoo.com  
norizam@ukm.edu.my

(*Dihantar: 25 September 2020; Diterima: 7 November 2020*)

**Abstrak**

Pantun merupakan satu genre dalam puisi tradisional yang melambangkan keagungan persuratan Melayu. Di samping mempunyai nilai estetika yang tinggi, pantun turut berperanan menyampaikan nasihat, didikan dan pengajaran termasuklah unsur moral. Sehubungan itu, makalah ini membincangkan unsur moral yang terkandung dalam pantun Melayu daripada perspektif penaakulan moral. Data kajian melibatkan 1045 buah pantun yang terkandung dalam buku *Pantun Pak Nazel 101 Perkara* karya Nazel Hashim Mohammad (2012). Objektif makalah ini ialah mengenal pasti dan menganalisis unsur moral yang terkandung dalam pantun Melayu. Metodologi kajian melibatkan pendekatan kualitatif yang merangkumi dua kaedah iaitu kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Kajian kepustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat berkaitan konsep penaakulan moral daripada pelbagai sumber rujukan seperti makalah jurnal, tesis dan buku ilmiah. Analisis kandungan pula dilakukan terhadap buku *Pantun Pak Nazel 101 Perkara* melalui teknik bacaan rapi, pentafsiran dan penganalisisan bersandarkan perspektif penaakulan moral. Hasil penelitian mendapati bahawa unsur penaakulan moral yang terkandung dalam kumpulan pantun tersebut boleh dikupas berdasarkan empat elemen, iaitu pemikiran rasional, optimis, normatif dan bijaksana. Natijahnya, pantun merupakan warisan tradisi lisan yang melambangkan kebijaksanaan orang Melayu. Pantun menjadi wadah menyampaikan sindiran, pujian, nasihat, jenaka, cinta dan hampir setiap aspek kehidupan termasuklah unsur moral.

**Kata Kunci:** Moral, Nazel Hashim Mohammad, Nilai, *Pantun Pak Nazel 101 Perkara*, Penaakulan Moral

### **Abstract**

Pantun is a genre in traditional poetry which represents the traditional Malay literary greatness. Besides having high aesthetic value, pantun also plays a role in conveying advice, education and teaching including moral elements. In this regard, this paper discusses the moral elements contained in the Malay pantun from the perspective of moral reasoning. The data of this study involves 1045 poems contained in the *Pantun Pak Nazel 101 Perkara* by Nazel Hashim Mohammad (2012). The objective of this paper is to identify and analyse the moral element contained in Malay pantun. The research methodology involves a qualitative approach that includes two methods, namely library research and content analysis. Library research is conducted to obtain information related to the concept of moral reasoning from various reference sources such as journal papers, thesis and scholarly books. Content analysis was conducted on the *Pantun Pak Nazel 101 Perkara* through intensive reading techniques, interpretation and analysis based on the perspective of moral reasoning. The results of the study found that the element of moral reasoning contained in the book can be analysed based on four elements, namely rational, optimistic, normative and wise thinking. As a result, pantun is an oral tradition heritage that symbolizes the wisdom of the Malays. Pantun became a platform to convey sarcasm, praise, advice, jokes, love and almost every aspect of life including moral elements.

**Keywords:** Morals, Nazel Hashim Mohammad, Values, *Pantun Pak Nazel 101 Perkara*, Moral Reasoning

### **1.0 Pengenalan**

Masyarakat Melayu amat mementingkan nilai budi pekerti. Memiliki nilai moral yang tinggi merupakan amalan baik yang perlu ada pada setiap insan supaya segala tindakan mereka tidak menyeleweng daripada norma-norma sosial yang dikehendaki dalam masyarakat. Nilai-nilai moral ini dapat melahirkan insan yang unggul dan sempurna. Nilai-nilai moral perlu diserap bukan sahaja bagi golongan muda malahan setiap lapisan masyarakat. Insan yang berakhlak mulia amat dituntut dari sudut budaya, peradaban dan agama. Amalan nilai-

nilai murni ini dapat membentuk insan yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Halimah, 1992).

Pantun merupakan antara wadah sastera yang banyak menyentuh nilai-nilai moral. Puisi yang menjadi warisan orang Melayu sejak dahulu lagi ini bukan sekadar memaparkan nilai estetika namun turut berperanan sebagai landasan pembinaan sahsiah manusia (Ab. Razak & Nurul Ain, 2015). Pantun yang mempunyai nilai-nilai moral menjadi wahana untuk memberi pengajaran kepada masyarakat. Pengungkapan madah yang puitis melalui pantun menonjolkan ciri keunikan masyarakat Melayu tradisional yang menggunakan bahasa tersurat dalam menyampaikan maksud yang tersirat (Noriza, 2007). Dengan sentuhan bahasa yang halus dan sindiran, pantun dapat membuatkan masyarakat berfikir tentang isi makna yang tersirat di sebalik sindiran tersebut. Sehubungan itu, makalah ini cuba merungkaikan permasalahan untuk mengenal pasti nilai-nilai moral yang terdapat dalam pantun sebagai medium pembentukan moral masyarakat Melayu. Perbincangan yang dibuat bertitik tolak daripada objektif mengenal pasti dan menganalisis unsur moral daripada perspektif penaakulan moral dengan menjadikan buku *Pantun Pak Nazel 101 Perkara* sebagai fokus kajian. Karya tersebut menggambarkan pemikiran pengarang yang sangat kreatif sehingga dapat menghasilkan pantun yang sarat dengan pengajaran kepada masyarakat.

## **2.0 Metodologi Kajian**

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk memperoleh pemahaman yang lebih jelas tentang sesuatu isu yang ditimbulkan dan juga meneroka sesuatu isu baharu atau kompleks (Hennink, Hutter & Bailey, 2012).

Pendekatan ini merangkumi dua kaedah iaitu kajian kepustakaan dan analisis kandungan.

Melalui kajian kepustakaan, maklumat diperoleh daripada buku ilmiah, makalah jurnal, dan tesis kajian sarjana yang membincangkan tentang aspek penaakulan moral dan kajian terdahulu berkenaan nilai moral dalam pantun Melayu. Bahan-bahan tersebut diperoleh dari perpustakaan seperti Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Perpustakaan Institut Tamadun dan Alam Melayu (ATMA) dan Pusat Sumber di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Rujukan yang luas ini membantu kajian terperinci dijalankan.

Seterusnya kaedah analisis kandungan buku *Pantun Pak Nazel 101 Perkara* dilakukan untuk memperoleh latar kajian serta maklumat yang sesuai dengan kajian. Pengutipan dan pengumpulan maklumat tersebut disaring dengan menggunakan teknik bacaan rapi, ditafsirkan dan dianalisis bersandarkan perspektif penaakulan moral.


Kajian ini akan memberi fokus terhadap buku *Pantun Pak Nazel 101 Perkara* hasil karya Nazel Hashim Mohamad. Buku ini telah diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad pada tahun 2012. Buku ini mempunyai koleksi sebanyak 1045 buah pantun yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan manusia. Pengarang yang juga pencipta pantun dalam buku ini telah menyentuh 101 perkara yang kebanyakan lebih menjurus kepada pantun nasihat dan sindiran. Nazel Hashim Mohamad sedaya upaya untuk mempertahankan warisan Melayu melalui hasil ciptaan pantunnya. Pengarang

menghasilkan pantun yang bertujuan ke arah positif buat masyarakat pada zaman kini.

### **3.0 Penaakulan Moral**

Moral merujuk kepada kelakuan yang melibatkan pertimbangan atau penaakulan yang mematuhi norma sosial yang ditetapkan sebagai tingkah laku yang betul (Berkowitz, 1964). Moral yang baik adalah segala tingkah laku yang terdiri daripada nilai dan aspirasi yang telah diterima oleh sesuatu masyarakat. Dalam erti kata lain, moral merupakan kod tingkah laku yang diterima pakai oleh sesuatu masyarakat (Nurul Hudani & Baharudin, 2018). Istilah moral sinonim dengan akhlak, budi pekerti, kelakuan, tabiat watak dan perangai yang merangkumi semua sifat luhur seperti baik hati, kejujuran, bertoleransi, keadilan serta semangat bermasyarakat (Ee, 1988).

Penaakulan moral pula merupakan suatu proses pemikiran dan pertimbangan moral yang dapat digunakan untuk menentukan peringkat perkembangan moral. Dalam konteks ini, penaakulan moral merujuk kepada satu sistem perlakuan yang bertunjangan prinsip-prinsip yang dianggap benar, baik dan patut dilakukan (Abdul Rahman & Chang, 1994). Hal ini ditegaskan oleh Berkowitz (1964) yang menjelaskan bahawa penaakulan moral merujuk kepada kelakuan melibatkan pertimbangan atau penaakulan yang selari dengan norma sosial yang ditetapkan sebagai tingkah laku yang betul. Antara elemen-elemen yang terangkum dalam penaakulan moral adalah pemikiran rasional, optimis, normatif dan bijaksana. Elemen-elemen penaakulan moral digambarkan seperti rajah yang berikut:



Rajah 1: Elemen-elemen pemikiran dalam penaakulan moral

### 3.1 Pemikiran rasional

Pemikiran rasional merupakan satu kelahiran idea yang logik dalam menyelesaikan sebarang perkara dengan bijak. Selain memikirkan kesan terhadap perkara yang berlaku, individu yang memiliki pemikiran rasional juga perlu menitikberatkan tentang penerimaan orang ramai terhadap idea yang dilahirkan. Pemikiran yang baik adalah pemikiran yang diterima dek akal. Usaha memupuk insan yang berfikiran rasional perlu dibentuk dari awal lagi. Nazel (2012) mengetengahkan didikan dalam membentuk pemikiran rasional melalui pantun yang telah dihasilkan. Contohnya adalah seperti berikut:

Naik basikal ke Batu Kikir,  
Pergi bersama dengan kawan;  
Ada akal tidak berfikir,  
Barulah sama dengan haiwan.

(Nazel, 2012: 15)

Berdasarkan pantun tersebut, akal manusia dipaparkan sebagai anugerah yang terindah daripada Allah SWT. Manusia dijadikan sehebat-hebat umat dalam dunia ini berserta dengan akal yang sempurna sifatnya. Bentuk fizikal manusia tidak boleh disamakan dengan haiwan. Namun, akal manusia boleh disamakan dengan haiwan jika manusia tidak menggunakan akal dengan sebaik-baiknya. Rangkap pantun tersebut juga menyindir masyarakat tentang cara berfikir manusia mengenai baik buruk sesuatu perkara. Baris "Ada akal tidak berfikir, Barulah sama dengan haiwan" menggambarkan bahawa manusia yang memiliki akal namun tidak digunakan dengan cara yang betul boleh disamakan dengan haiwan. Hal ini kerana perkara yang membezakan manusia dengan haiwan adalah akal. Oleh itu, manusia perlulah bijak menggunakan nikmat akal dengan sebaik-baiknya supaya dapat memupuk manusia yang bermoral.

Kepentingan pemikiran rasional juga dipaparkan dalam rangkap pantun berikut:

Menulis angka serba tak kena,  
Dirasa sukar untuk menulisnya;  
Akal jika disalah guna,  
Perkara mungkar baik fikirnya.

(Nazel, 2012: 15)

Melalui rangkap pantun tersebut, khalayak diperingatkan tentang impak yang akan berlaku jika seseorang itu tidak menggunakan akal dengan baik. Individu yang memiliki pemikiran rasional akan bijak menggunakan akal untuk memikirkan hal yang mendatangkan kebaikan dalam setiap perkara yang berlaku. Rangkap pantun tersebut juga menjelaskan bahawa orang yang menyalahgunakan akal akan menghadapi perkara yang mungkar dalam kehidupannya. Segala perkara buruk yang berlaku itu datang daripada sikap manusia yang berfikiran pendek. Sehubungan itu, penghasilan pantun ini dapat memberi pengajaran kepada masyarakat agar menggunakan akal ke arah kebaikan supaya kesan yang baik juga dapat diperolehi.

Allah SWT menganugerahkan sebaik-baik akal untuk manusia berfikir tentang kebaikan dan keburukan sesuatu perkara. Insan yang bijak menggunakan akal pemikiran akan turut memiliki sifat yang mulia. Setiap perbuatan yang mempunyai nilai moral hadir melalui pemikiran yang waras. Hanya manusia yang waras dalam pemikiran dapat membentuk nilai moral dalam dirinya. Hal ini diperlihatkan dalam rangkap pantun seperti berikut:

Sehari tekal mengarang pantun,  
Pantun dikarang beriang ria;  
Orang berakal bersopan santun,  
Disuka orang sifatnya mulia.

(Nazel, 2012: 16)

Pantun tersebut mengingatkan masyarakat bahawa setiap perlakuan manusia bermula daripada akal. Manusia yang berakal boleh membentuk peribadi mulia seperti bercakap dengan penuh hormat, bersopan santun dalam



setiap perbuatan, tidak memburukkan kekurangan seseorang dan sebagainya. Baris "Orang berakal bersopan santun, Disuka orang sifatnya mulia" menggambarkan bahawa insan yang memiliki nilai moral dan sifat mulia dalam diri mudah disenangi oleh orang lain. Hal ini kerana insan yang memiliki sifat mulia tidak pernah menyakiti pihak lain untuk kepentingan diri sendiri.

Di samping itu, insan yang berfikiran waras sering dikaitkan dengan budi bicara yang santun. Masyarakat Melayu sudah dikenali dengan tutur bicara yang sopan. Setiap kata yang keluar daripada mulut melambangkan keperibadian seseorang. Pemikiran yang waras akan dapat melahirkan pertuturan yang baik. Umpama peribahasa "terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya" yang telah memberi ingatan supaya menjaga setiap baris kata yang keluar daripada mulut kerana setiap kata itu dinilai oleh orang lain. Jika tersalah menyusun kata, perselisihan faham boleh berlaku antara dua pihak. Hal ini disampaikan dalam dua rangkap pantun berikut:

Ayam berketak di pokok sekentut,

Ayam ditangkap lalu dijaja;

Akal letak di kepala lutut,

Apa dicakap merepek sahaja.

Sayur keladi goreng peria,

Gulai kedera alu-alu;

Akal budi orang cendekia,

Sebelum bicara berfikir dahulu.

(Nazel, 2012: 16)

Rangkap pantun tersebut memberi peringatan kepada masyarakat agar menggunakan akal yang telah dianugerahkan dalam menyusun bicara. Percakapan insan yang tidak menggunakan akal ibarat tin kosong. Percakapan mereka boleh dikatakan merepek kerana tiada kata-kata yang boleh dimanfaatkan. Insan seperti ini bercakap mengikut hati bukan akal. Mereka akan bercakap tentang perkara-perkara yang boleh mendatangkan aib kepada diri sendiri mahupun kepada orang lain. Sebaliknya insan yang bijak boleh dinilai melalui percakapannya. Setiap kata yang dikeluarkan boleh mempengaruhi orang lain dan hanya perkara-perkara yang baik sahaja diperkatakan.

Akal bukan sekadar mempengaruhi percakapan namun juga boleh mempengaruhi emosi seseorang. Akal merupakan pusat yang mengawal segala tindak tanduk dan emosi seseorang. Akal yang waras akan melahirkan tingkah laku dan emosi yang baik. Corak fikiran positif akan mempengaruhi hati yang stabil seterusnya mempengaruhi setiap tindak tanduk manusia. Oleh itu, kita perlu mengawal corak fikiran kerana ia mempengaruhi emosi dan tindakan yang bakal diambil. Contohnya dipaparkan dalam rangkap pantun berikut:

Dinding bata nampaknya kekal,  
Warna merah atap genting;  
Jika dikata tidak berakal,  
Tentu marah malah melenting.

(Nazel, 2012: 16)

Pantun tersebut menyentuh tentang kesan kepada individu yang tidak menggunakan akal fikiran dalam melakukan sesuatu perkara. Insan yang tidak berakal boleh mendatangkan kemarahan dalam diri sendiri jika berhadapan

dalam situasi tertentu. Dalam konteks yang lebih khusus, rangkap pantun ini ditujukan kepada golongan muda yang sedang melalui proses kematangan. Golongan muda lazimnya gemar melakukan sesuatu perkara mengikut hati berbanding akal fikiran. Mereka lebih mementingkan aspek kepuasan berbanding rasional dalam melakukan sesuatu tindakan. Justeru insan yang dapat mengawal sesuatu perkara dengan memikirkan kesannya adalah insan yang mempunyai penaakulan moral yang baik.

Pemikiran individu secara rasional sangat diperlukan dalam membentuk modal insan yang bermoral. Setiap manusia perlu memikirkan kerationalan sesuatu perkara supaya dapat menghadapi dengan hati dan minda yang terbuka. Berfikiran rasional ini menjadikan seseorang insan itu mampu menyelesaikan sesuatu perkara dengan bijak sambil memikirkan kesannya. Selain itu, pemikiran rasional juga dapat melahirkan sifat-sifat terpuji. Sifat-sifat moral yang lahir dalam diri individu bermula dengan cara pemikiran mereka yang rasional.

### **3.2 Pemikiran optimis**

Pemikiran optimis merujuk kepada pemikiran manusia secara positif terhadap sesuatu perkara. Pemikiran optimis berkait erat dengan pemikiran terbuka yang hanya mengambil input-input positif dalam sesuatu perkara. Insan yang memiliki pemikiran optimis tidak mudah menerima keburukan dalam sesuatu perkara malah akan berfikiran terbuka dalam mencari kebaikan di sebalik keburukan. Bagi membentuk diri sebagai insan yang bermoral, mereka perlu memiliki pemikiran optimis kerana mencari kebaikan itu lebih penting berbanding keburukan.

Pemikiran optimis ini juga mengajar seseorang insan supaya tidak memandang rendah terhadap kekurangan insan lain. Insan yang memiliki keperibadian mulia tidak akan mengata atas kekurangan orang lain, malah akan berfikir secara positif dalam hal menilai keburukan seseorang. Masyarakat perlu berfikiran terbuka dan menerima segala kelemahan orang lain sebagai satu pengajaran. Hal ini ditegaskan dalam rangkap-rangkap pantun berikut:

Lemak ketuka sambal kerang,  
Alu-alu dimasak kari;  
Jangan suka membodohkan orang,  
Periksa dahulu diri sendiri.

Pokok gelam tumbuh merata,  
Pohon sena sukar dicari;  
Bodoh dalam mengeluarkan kata,  
Boleh menghina diri sendiri.

(Nazel, 2012: 37)

Kedua-dua contoh rangkap pantun tersebut merungkaikan bahawa pemikiran optimis berkait rapat dengan pembentukan akhlak diri seseorang insan. Masyarakat tidak seharusnya mudah menilai kelemahan atau keburukan seseorang. Sebaliknya, mereka harus memeriksa terlebih dahulu kekurangan dalam diri sendiri supaya kelemahan diri dapat diperbaiki sebelum menilai kelemahan orang lain. Insan yang memiliki keperibadian moral tidak akan menuding jari mencari kelemahan pihak lain kerana hal itu akan mendatangkan keburukan kepada diri sendiri. Masyarakat juga diperingatkan supaya berfikir

terlebih dahulu sebelum mengeluarkan kata-kata kerana kata-kata yang keluar daripada mulut ini mungkin berbisa sehinggakan boleh menyakiti hati orang lain.

Seseorang insan yang bermoral juga perlu sentiasa berbaik sangka dengan orang lain. Insan bermoral seharusnya tidak mudah menghukum atau mengata tentang perbuatan orang lain. Insan yang memiliki sikap moral akan sentiasa berfikiran positif dan tidak mudah menilai berdasarkan sifat fizikal seseorang. Hal ini diperjelaskan dalam rangkap pantun berikut:

Mengasah parang tempat teduh,

Tepi lata pohon laka;

Biar orang katakan bodoh,

Asalkan kita berbaik sangka.

(Nazel, 2012: 38)

Rangkap pantun tersebut menegaskan bahawa tiada rugi dalam kehidupan seseorang itu jika berbaik sangka kepada insan lain. Hal ini ditekankan dalam baris "Biar orang katakan bodoh, Asalkan kita berbaik sangka". Seorang insan yang bermoral perlu memiliki pemikiran yang optimis. Insan bermoral akan menekankan kebaikan dan bukan keburukan.

### **3.3 Pemikiran normatif**

Istilah normatif berasal daripada perkataan Inggeris *norm* yang bermaksud norma, ajaran, acuan, atau ketentuan tentang baik buruk sesuatu perkara. Sehubungan itu, perkataan norma mempunyai hubungan rapat dengan akhlak, iaitu perbuatan yang lahir daripada kesedaran jiwa yang bersih dan dilakukan atas kemahuan sendiri. Oleh sebab akhlak merupakan antara inti pati dalam agama Islam, maka norma juga sering dikaitkan dengan agama Islam. Norma

tersebut diyakini kebenarannya, wajib dilaksanakan dan tidak boleh diingkari (Andi, 2018).

Pemikiran normatif menjelaskan tentang pemikiran manusia yang luhur tanpa melanggar batas hukum-hukum agama. Pemikiran normatif menepati ajaran Islam yang menjelaskan bahawa setiap perkara yang selari dengan ajaran Islam adalah benar. Aspek-aspek seperti akidah, kepercayaan, amalan agama, nilai moral dan etika ditunjangi oleh pengajaran Islam (Hashim, 2009). Pembentukan insan yang mulia bukan sahaja dilihat berdasarkan ideologi mereka yang logik, namun dititikberatkan juga tentang pemikiran mereka berlandaskan Islam. Individu yang memiliki sikap-sikap moral akan sentiasa memikirkan perkara yang benar dan tulus sebagai bukti mereka mempercayai Tuhan. Sebagai umat Islam, pemikiran secara normatif tidak boleh tergelincir daripada pembentukan nilai moral seseorang. Berdasarkan *Pantun Pak Nazel 101 Perkara*, pengarang turut menyentuh hal-hal agama agar menjadi panduan kepada masyarakat. Hal ini dapat dilihat dalam contoh rangkap pantun berikut:

Buah pedada mempelam sala,  
Atas meja mejanya batu;  
Berimanlah kepada Allah Taala,  
Dia sahaja dapat membantu.

(Nazel, 2012: 84)

Rangkap pantun tersebut jelas menunjukkan bahawa pengarang cuba membawa masyarakat untuk berfikir tentang kebenaran yang pastinya mutlak daripada Tuhan. Sebagai umat Islam, dia harus beriman kepada Allah SWT dan sentiasa memikirkan tentang kebenaran hukum-hakam-Nya. Sekiranya umat Islam menghadapi kesusahan atau kesulitan, dia perlu memohon kepada

Allah untuk membantu mempermudah segala urusan. Pembentukan insan bermoral perlu bermula daripada pembentukan akhlaknya. Jika seseorang insan ingin melakukan sesuatu perkara dengan memikirkan tentang Tuhannya, maka setiap perbuatannya akan dipermudahkan.

Di samping itu, masyarakat Islam juga harus yakin dengan kebenaran agama Islam itu sendiri. Seorang insan yang bermoral harus sentiasa yakin akan kewujudan-Nya. Jangan sesekali masyarakat memikirkan hukum-hukum Islam di luar batasan kerana perkara itu boleh meruntuhkan akhlak seseorang. Hal ini disentuh dalam rangkap pantun berikut:

Ikan belida dikerat-kerat,  
Masak nasi dibuang antah;  
Beriman kepada hari akhirat,  
Jangan disangsi atau dibantah.

(Nazel, 2012: 84)

Rangkap pantun tersebut menekankan bahawa umat Islam harus beriman pada hari akhirat. Umat Islam perlu meyakini bahawa hari akhirat itu wujud dan akan dilalui oleh semua. Justeru masyarakat harus tidak waswas tentang kebenaran hari akhirat, apatah lagi mempersoalkan perkara tersebut. Walaupun, masyarakat pada zaman ini terlalu sibuk mengejar hal duniawi, namun mereka diperingatkan agar tidak lupa untuk memikirkan soal ukhrawi.

Seseorang insan yang memiliki akhlak yang terpuji akan sentiasa mengingati ajaran agamanya. Islam turut meminta umatnya agar mempercayai bahawa agama Islam merupakan agama yang benar. Setiap kebenaran yang difikirkan oleh manusia mengenai ajaran Islam membentuk keperibadian mulia seseorang. Agama Islam menjadi panduan dan penyelesaian dalam

melakukan sebarang tindakan. Nilai-nilai moral dalam diri boleh dipupuk dengan sentiasa berfikiran normatif kerana berfikiran normatif akan membantu manusia supaya tidak tergelincir daripada landasan kebenaran. Hal ini dirakamkan dalam rangkap pantun berikut:

Atuk tersedak biji pulasan,  
Kemudian meloya suaranya serak;  
Islam tidak menyekat kebebasan,  
Asalkan ia mengikut syarak.

(Nazel, 2012: 88)

Rangkap pantun tersebut menyampaikan pesan kepada masyarakat bahawa Islam tidak menyekat kebebasan umatnya dalam menjalani kehidupan di dunia. Setiap manusia berhak memiliki kebebasan untuk berfikir dalam menentukan segala perkara namun perlu berlandaskan hukum-hukum syarak yang telah ditetapkan. Hal ini diberi penekanan dalam baris "Islam tidak menyekat kebebasan, Asalkan ia mengikut syarak". Tindakan yang lahir daripada pemikiran mereka perlu bersifat normatif supaya tidak terbabas daripada hukum syarak.

### **3.4 Pemikiran bijaksana**

Akal yang bijaksana boleh mempengaruhi sebarang tindakan seseorang. Manusia yang berfikir dengan bijak dapat melakukan tindakan dengan sempurna. Penaakulan moral yang boleh membentuk keperibadian mulia seseorang adalah berlandaskan cara kebijaksanaannya berfikir. Insan yang bijak berfikir mengenai sesuatu perkara pasti dapat merungkaikan setiap isi perkara tersebut dengan sempurna. Setiap perkara yang berlaku di sekeliling



manusia memerlukan kebijaksanaan akal untuk berfikir dalam menentukan jalan yang terbaik.

Kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan memupuk kebijaksanaan akal turut diselitkan dalam *Pantun Pak Nazel 101 Perkara*. Allah SWT memberi akal kepada manusia agar mereka bijak memilih jalan untuk dituju. Hanya manusia yang memanfaatkan akal dapat berfikir dengan bijak untuk memilih antara yang baik dengan yang buruk. Hal ini disentuh dalam rangkap pantun berikut:

Buat rojak tanpa perisa,  
Sedap rasa sunyi menyepi;  
Orang bijak mengurus masa,  
Hidup sentiasa tersusun rapi.

(Nazel, 2012: 35)

Berdasarkan pantun tersebut, penekanan diberikan bahawa masa adalah suatu perkara yang sangat penting dalam kehidupan. Insan yang pandai menghargai masa adalah insan yang bijak berfikir dalam menguruskan masanya. Insan yang bijak akan berfikir untuk memanfaatkan setiap masa yang terluang dengan perkara-perkara yang berfaedah. Hal ini diungkapkan dalam baris "Orang bijak mengurus masa, Hidup sentiasa tersusun rapi". Kebijaksanaan akal dalam menyusun masa sangat penting kerana insan yang memiliki moral yang tinggi tidak akan membazirkan masa yang ada. Kehidupan manusia yang bermoral akan lebih tersusun rapi dengan memupuk diri menggunakan pemikiran yang bijak dalam menentukan segala hal.

Selain itu, manusia yang bermoral juga akan berfikir dengan bijak daripada segi pemilihan kawan. Kawan tidak pernah lari daripada elemen

kehidupan manusia. Manusia perlu bijak mencari kawan untuk mendorong seseorang itu ke arah kebaikan. Insan yang memiliki keperibadian moral akan mementingkan kebijaksanaan dalam menilai setiap kebaikan dan keburukan seseorang untuk dipilih sebagai seorang kawan. Hal ini disentuh dalam *Pantun Pak Nazel 101 Perkara* seperti berikut:

Memakai tanjak sangat menawan,  
Segak berdiri sedikit tersipu;  
Kenalah bijak memilih kawan,  
Agar diri tidak tertipu.

(Nazel, 2012: 35)

Pantun tersebut menjelaskan tentang kebijaksanaan seseorang dalam memilih kawan. Kawan sangat penting dan boleh mempengaruhi kehidupan seseorang. Kawan yang baik akan mendorong seseorang itu ke arah kebaikan, manakala kawan yang jahat akan mempengaruhi seseorang itu ke arah kemungkaran. Kawan yang baik juga dapat membantu seseorang individu itu dalam memupuk nilai-nilai moral. Hal ini dinyatakan dalam baris "Kenalah bijak memilih kawan, Agar diri tidak tertipu". Berfikir secara bijak dapat melambangkan keperibadian seseorang itu kerana insan yang memiliki pemikiran yang bijak ini sentiasa mengharapkan kesan yang positif berdasarkan apa yang difikirkannya.

Di samping itu, insan yang berfikiran bijak juga dianggap memiliki sifat yang mulia. Hal ini kerana mereka sering mementingkan kebaikan dalam diri dan akan berfikir terlebih dahulu sebelum melakukan sebarang tindakan. Insan yang memiliki pemikiran yang luas dan jauh ini akan lebih berfikiran bijak dalam menentukan sesuatu keputusan kerana mereka dapat menilai sesuatu perkara

itu sama ada baik mahupun buruk. Hal ini diungkapkan dalam *Pantun Pak Nazel 101 Perkara* seperti yang berikut:

Menulis sajak suatu karya,  
Sajak membayang bunga teluki;  
Orang bijak berhati mulia,  
Allah sayang ditambah rezeki.

(Nazel, 2012: 36)

Berdasarkan pantun tersebut, kebijaksanaan dapat melahirkan seorang insan yang berhati mulia. Insan yang bijaksana akan dipandang tinggi oleh masyarakat. Mereka bukan sahaja disenangi oleh orang lain malah mempunyai hati yang mulia sehingga setiap perkara yang dilakukan mendapat keredaan Allah SWT. Rangkap pantun tersebut juga menggambarkan bahawa insan yang berhati mulia ini disayangi dan mendapat keberkatan hidup dengan rezeki yang melimpah ruah. Hal ini disentuh dalam baris "Orang bijak berhati mulia, Allah sayang ditambah rezeki". Oleh itu, pembentukan keperibadian mulia perlu bermula dengan pemikiran bijak seseorang individu. Jika seseorang itu memanfaatkan akalinya dengan sentiasa berfikiran bijak, mereka bukan sahaja disayangi oleh orang di sekeliling bahkan mendapat tempat sisi Allah SWT.

#### **4.0 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, *Pantun Pak Nazel 101 Perkara* menghimpunkan 1045 buah pantun yang menjadi wadah didaktik. Kandungan kumpulan pantun ini penuh dengan unsur-unsur nasihat dan nilai moral yang bertujuan untuk menyedarkan masyarakat. Bagi mewujudkan keharmonian dalam bermasyarakat, nilai-nilai moral perlu ada dalam diri setiap insan. Insan yang

memiliki nilai moral dapat membezakan antara perkara baik atau buruk dan dapat juga menjaga setiap perlakuan agar tidak menimbulkan sebarang permasalahan kepada orang lain.

*Pantun Pak Nazel 101 Perkara* membuktikan bahawa pantun Melayu sarat dengan unsur penaakulan moral. Hasil penelitian mendapati bahawa unsur penaakulan moral yang terkandung dalam kumpulan pantun tersebut boleh dikupas berdasarkan empat elemen, iaitu pemikiran rasional, optimis, normatif dan bijaksana. Natijahnya, pantun merupakan warisan tradisi lisan yang melambangkan kebijaksanaan orang Melayu. Pantun menjadi wadah menyampaikan sindiran, pujian, nasihat, jenaka, cinta dan hampir setiap aspek kehidupan termasuklah unsur moral.

## Rujukan

- Ab. Razak Ab. Karim & Nurul Ain Alizuddin. (2015). Analisis ayat majmuk pancangan bahasa Melayu dalam pantun Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu / Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 26(1), 1-28.
- Abdul Rahman Aroff & Chang Lee Hoon. (1994). *Pendidikan moral*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Andi Eka Putera. (2018). Sketsa pemikiran keagamaan dalam perspektif normatif, historis dan sosial-ekonomi. *Al-Adyan Jurnal Studi Lintas Agama*, 12(2), 73-86.
- Berkowitz, L. (1964). *Development of motives and values in a child*. New York: Basic Books.
- Ee Ah Meng. (1988). *Pendidikan moral untuk bakal guru*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.

Syahidatul Syahadah Yusof & Muhd Norizam Jamian, "Penaakulan Moral Dalam Pantun Pak Nazel 101 Perkara" JMS Vol. 3 Issue 1 (2020): 297 – 317

Halimah Badioze Zaman. (1992). Sastera kanak-kanak: pembentukan pemikiran dan pemupukan nilai-nilai murni. *Dewan Sastera*, 22(2), 5-9.

Hashim Haji Musa. (2009). The evolution of Islamic-cultural fusion, identity, Islamic resurgence and current challenges in the Malay life. *Jurnal Pengajian Melayu / Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 20(1), 51-81.

Hennink, M., Hutter, I. & Bailey, A. (2012). *Qualitative research methods*. London: SAGE Publication.

Nazel Hashim Mohamad. (2012). *Pantun Pak Nazel 101 perkara*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Noriza Daud. (2007). Unsur metafora dalam pantun: suatu pendekatan semiotik. *Jurnal Pengajian Melayu / Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 18(1), 120-134.

Nurul Hudani Md. Nawi & Baharudin Othman. (2018). Konsep moral dalam perspektif Islam dan Barat. *Al-Hikmah* 10(2), 3-16.